

Pasukan khas akan ditubuhkan

MB arah siasat kes ilmu batin

PENCAMPUR 02/17
MENTERI Besar, Datuk Abdul Ajib Ahmad, mengarahkan Jabatan Agama Islam Negeri supaya menubuhkan satu pasukan khas untuk menyiasat bagaimanakah ajaran ilmu kebatinan dapat dilakukan di ~~ke~~neangan Felda Air Tawar Satu, Kota Tinggi tanpa kebenaran dan pengetahuan pihak berkuasa.

Beliau berkata pasukan itu diarah supaya menyiasat kes itu kerana beliau bimbang ramai lagi akan menjadi pengikut dan terpedaya dengan ajaran itu.

12 AUG 1985
Datuk Ajib berkata kerajaan negeri memandang berat kejadian itu kerana menyebabkan kematian seorang pemuda yang dikatakan meminum racun rumpai dalam satu upacara tamat latihan menuntut ilmu kebatinan.

Datuk Ajib berpendapat mengajar ilmu kebatinan dan meminta pengikutnya meminum racun adalah satu per-

JOHOR BAHRU, Ahad

buatan yang terkutuk, kejam dan bertentangan dengan lunas-lunas Islam.

Beliau menyeru semua penghulu dan ketua kampung atau mukim supaya menghubungi Jabatan Agama dengan segera sekiranya ada orang atau kumpulan tertentu menjalankan aktiviti atau ajaran yang terkeluar daripada yang tersurat dalam al-Quran.

Datuk Ajib juga menyeru umat Islam yang bimbang atau kurang pasti mengenai sesuatu yang diajar supaya menghubungi Jabatan Agama Negeri untuk mendapatkan pengesahan.

Menteri Besar itu tidak menafikan bahawa aktiviti ajaran-ajaran sesat memang sukar hendak dikawal tanpa maklumat dan kerjasama orang ramai.

Sementara itu, Bahagian Sebaran Am Jabatan Agama Islam Johor diarah memperhebatkan ceramah dan kursus dakwah Islamiah di semua rancangan Felda di negeri ini ekoran peristiwa di Felda Air Tawar Satu itu.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Johor, Datuk Mehamad Yunos mengarahkan pegawai bahagian itu menumpukan perhatian kepada rancangan Felda, khususnya Felda Air Tawar Satu untuk menerangkan bahaya anak mereka membabitkan diri dalam ajaran ilmu kebatinan. **B. Harlan (M)**

Datuk Yunos menyifatkan ajaran itu sebagai sesat kerana ia bertentangan dengan ajaran Quran dan sunnah Nabi.

Beliau juga mengarahkan pegawai Jabatan Agama Negeri menyiasat kes di Felda Air Tawar Satu dan mereka yang terbabit akan didakwa.